

UPHACOL BROMHEXINE HCL SYRUP

Bromhexine hydrochloride (4mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uphacol
2. Bagaimana Uphacol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uphacol
4. Cara menggunakan Uphacol
5. Semasa menggunakan Uphacol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphacol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Uphacol digunakan untuk mengurangkan kepekatan kahak, dengan itu memudahkan pengeluarannya semasa batuk.

Bagaimana Uphacol berfungsi

Uphacol mengandungi bromhexine hydrochloride sebagai bahan aktif. Bromhexine hydrochloride membantu melegakan dada dengan mencairkan kahak dalam salur pernafasan anda.

Sebelum menggunakan Uphacol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- bromhexine hydrochloride
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda dibuka atau koyakan, atau tanda salahgunaan pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Uphacol

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai

- alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan pewarna atau pengawet
- ulser gastrik.

Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Uphacol boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Uphacol.

Cara menggunakan Uphacol

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk pertolongan.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak umur lebih 12 tahun: Ambil 10ml tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Kanak-kanak umur 2 hingga 5 tahun: Ambil 2.5ml tiga kali sehari.

Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:

Ambil 5ml tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ambil Uphacol seperti yang diarahkan oleh doktor.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Uphacol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Uphacol, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Uphacol

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Uphacol.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Uphacol.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Uphacol untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin

sehingga anda tahu bagaimana Uphacol mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Kerengsaan gastrousus mungkin berlaku.

Uphacol boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan Uphacol dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening, bengkak kulit atau ruam
- reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Uphacol

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jangan simpan di dalam peti.

Jangan simpan Uphacol atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Uphacol atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk
Sirap berperisa strawberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Setiap 5ml sirap mengandungi 4mg bromhexine hydrochloride

- Bahan tidak aktif:

- Saccharin sodium
- Sorbitol 70% Solution
- Methylparaben
- Raspberry essence
- Strawberry essence
- Propylene glycol
- Glycerine
- Chloroform spirit
- Purified Water

- Nombor MAL

MAL19912692XZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn. Bhd
Lot No. 2 & 4, Jalan P/7, Section
13, Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn. Bhd
Lot No.2, 4, 6, 8 & 10,
Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate, 43650
Bandar Baru Bangi, Selangor
Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP
07/05/2024

Nombor Siri:
NPRA(R2/3)240628/1300